

“NADMA optimis terus didik, pastikan masyarakat patuhi SOP

Putrajaya: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama agensi-agensi kerajaan yang lain mempunyai tanggungjawab bagi memastikan masyarakat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) norma baharu yang ditetapkan kerajaan.

Timbalan Ketua Pengarah NADMA, Mohamad Azhan Md Amir, berkata SOP asas yang ditetapkan iaitu memakai pelitup muka, membersihkan tangan menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman serta penjarakan fizikal sudah tersemat dalam diri masyarakat.

Bagaimanapun, katanya, penjarakan fizikal dilihat sedikit sukar diamalkan terutamanya di kawasan sesak seperti di restoran, pasar atau di dalam kenderaan awam.

“Kalau kita lihat sekarang, bila keluar sahaja orang ramai akan pakai pelitup muka dan mengamalkan membasuh tangan menggunakan air dan sabun atau setidak-tidaknya membawa cecair pembasmi kuman sendiri setiap kali ke tempat awam.

“Kita nampak perubahan berkenaan, malah pengurusan premis turut menyediakan cecair pembasmi kuman dan mewajibkan pelanggan menggunakanannya terlebih dahulu sebelum memasuki premis mereka.

“Bagaimanapun, isu penjarakan fizikal ini memberi sedikit cabaran buat kita. Jika dilihat, setiap premis mengambil inisiatif menandakan setiap satu meter untuk penjarakan fizikal, tetapi mungkin ada segelintir anggota masyarakat kita yang mengambil mudah perkara ini.

“Saya yakin SOP norma baharu ini telah ada dalam pemikiran rakyat, cumanya tidak diamalkan sepenuhnya terutama yang melibatkan penjarakan fizikal,” katanya ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Menerusi Kempen Pembudayaan Norma Baharu, Mohamad Azhan berkata, NADMA turut bekerjasama dengan semua kementerian, kerajaan negeri, daerah dan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) yang berperanan menggerakkan kempen ke peringkat

akar umbi.

Setakat ini, katanya, penerimaan rakyat amat memberangsangkan dan NADMA menggunakan pelbagai kaedah kempen seperti pemasangan kain rentang, poster di tempat strategik serta menggunakan sepenuhnya media sosial dan elektronik.

“Ia bagi memastikan kempen ini sampai ke akar umbi dan berharap agar rakyat dapat mematuhi dan membudayakan SOP norma baharu yang ditetapkan.

“Nak kata berpuas hati, bagi saya belum sampai tahap itu kerana kita kini terus tingkatkan kempen dan menekankan menjalani peri pentingnya pematuhan kepada SOP ini.

“Kita mahu setiap rakyat mematuhi SOP berkenaan dan menjadikannya budaya amalan,” katanya.

Mengenai pelaksanaan kempen berkenaan, Mohamad Azhan berkata, ia berperanan mendidik masyarakat mengenai pentingnya pematuhan SOP bagi membendung penularan COVID-19,” katanya.

Katanya, ia juga selari dengan

apa yang kerap diungkap oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah iaitu virus berkenaan sudah berada dalam komuniti dan pematuhan SOP perlu dilaksanakan bagi membendung penularan wabak sehingga vaksin sesuai ditemui.

“Pelbagai kaedah dilakukan kerajaan untuk mengawal penyebab wabak ini dan kita mahu rakyat kekal mengamalkan SOP.

“Apa yang dilaksanakan kerajaan kita adalah yang terbaik berbanding dengan negara-negara lain yang dilihat kadangkala tidak dapat mengawal rakyat mereka untuk patuh kepada norma baharu ini.

“Sebaliknya, Malaysia yang dianggap sebagai negara kecil mampu mengawal rakyatnya dan bersama-sama berperang melawan COVID-19,” katanya.

Kempen Pembudayaan Norma Baharu bersama slogan ‘Bersama Hentikan Wabak COVID-19’ dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 8 Ogos lalu di Kompleks Sukan Pagoh.



Bagaimanapun, isu penjarakan fizikal ini memberi sedikit cabaran buat kita. Jika dilihat, setiap premis mengambil inisiatif menandakan setiap satu meter untuk penjarakan fizikal, tetapi masih ada segelintir anggota masyarakat kita yang mengambil mudah perkara ini.

**Mohamad Azhan Md Amir,
Timbalan Ketua Pengarah
NADMA**